

# PESTA KONVOKESYEN UniMAP

## SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KETIGA

Oleh : Fazlina Md Fadzil

13 Ogos 2008 - Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang juga Canselor UniMAP telah merasmikan Pesta Konvokesyen UniMAP sempena Istiadat Konvokesyen universiti ini bagi kali ketiga di Kolej Kediaman Kampung Wai, Kuala Perlis. Pada majlis tersebut, baginda turut melancarkan Tabung Amanah Khas Pelajar dan menyampaikan bantuan tersebut kepada 12 orang pelajar UniMAP yang kurang berkemampuan. Pada kali ini, "Jurutera Berinovasi Tonggak Kemajuan" dipilih sebagai tema Pesta Konvokesyen kerana UniMAP bukan lagi berada di fasa pembangunan tetapi kita kini telah berada di fasa kemajuan dan kecemerlangan. Sempena Istiadat Konvokesyen Kali ke-3 UniMAP, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menganjurkan pesta ini selama 5 hari bermula dari 12 hingga 16 Ogos 2008 di Dataran Kolej Kediaman Kampung Wai. Malahan lebih mengagumkan lagi ahli jawatankuasa pelaksana yang merupakan nadi penggerak utama kepada kelancaran perjalanan pesta konvokesyen ini adalah terdiri dari pelajar-pelajar UniMAP sendiri yang mana mereka telah bertungkus lumus membuat perancangan untuk pesta ini bermula dari bulan Mei lagi. Di samping itu melalui program seperti ini juga secara langsung dapat menyemai dan mewujudkan semangat muhibbah di kalangan warga UniMAP secara menyeluruh sebagai satu keluarga di bawah lembayung UniMAP. Pelbagai aturcara telah diadakan sepanjang 5 hari pesta ini berlangsung. Antaranya Kempen Menderma Darah, pertandingan mewarna, sukan rakyat, pertandingan karaoke, "Battle of The Band", pertandingan Konvorienteering Rakan Muda, Kejohanan Paintball Rakan Muda, Forum Penghayatan Islam, Kereta Kancil Art vs Sound, "Mai Cuba Gokart", Konvo Idol Kids, Tanglung & Koolam Kreatif dan pameran dari agensi-agensis / jabatan kerajaan dan swasta. Sebanyak 60 buah gerai jualan dan pameran dibuka bagi memeriahkan pesta ini.



Sebelum berlangsung Pesta Konvokesyen ini, jawatankuasa pelaksana telah menganjurkan program Pra-Konvokesyen seperti Konvoi Konvo-3, Jom Futsal dan Konvothon yang telah diadakan pada 3 hingga 9 Ogos 2008. Majlis perasmian penutup bagi Pesta Konvokesyen Ketiga ini telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi Bin Ramlan, Ketua Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar Jabatan Pengurusan IPT, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada 16 Ogos 2008. Pesta ini terlaksana dengan begitu jayanya ekoran hasil kerjasama yang baik dari semua pihak. Melalui program seperti ini pihak UniMAP cuba untuk memberi pendedahan, peluang serta pengalaman kepada para pelajar UniMAP tentang cara menganjurkan dan mengendalikan sesuatu majlis terutama majlis yang berkonsep skala besar atau penting seperti Pesta Konvokesyen ini.